

WINSPIRIN Acetylsalicylic Acid Dispersible Tablet 300mg

Aspirin (300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WINSPIRIN
2. Bagaimana WINSPIRIN berfungsi
3. Sebelum mengambil WINSPIRIN
Cara mengambil WINSPIRIN
Semasa menggunakan WINSPIRIN
4. Kesan-kesan sampingan
5. Cara penyimpanan dan pelupusan WINSPIRIN
6. Maklumat lanjut
7. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
8. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan WINSPIRIN

- melegakan sakit kepala, sakit gigi, migrain, *neuralgia* (sakit saraf), sakit tekak, *dysmenorrhea* (kesakitan menstruasi).
- Melegakan influenza, demam, keradangan reumatik, *sciatica* (sakit yang bermula dari bahagian belakang), *lumbago* (sakit di bahagian bawah badan), *fibrositis* (kesakitan dan keradangan sendi), sakit otot dan lain-lain kesakitan.
- Mempunyai sifat anti-trombotik, yang membantu sebagai rawatan lanjutan akibat *myocardial infarction* (sakit jantung), dan untuk individu yang mengalami *unstable angina* (sakit dada) and cerebral transient ischaemic attack (strok).

Bagaimana WINSPIRIN berfungsi
WINSPIRIN mempunyai sifat analgesik, dan antiradang.

Sebelum menggunakan WINSPIRIN

-Bila tidak boleh menggunakan

- Tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.
- Jangan gunakan:
- Jika anda alah kepada WINSPIRIN atau mana-mana formulasi ini.
 - Sekiranya anda dirawat dengan *Nonsteroidal Antiinflammatory Drugs* (NSAID).
 - Jika anda mempunyai sindrom asma, rhinitis (kerengsaan dan keradangan

membran mukus di dalam hidung), dan polip hidung.

- Sekiranya anda mengalami masalah darah tidak membeku dengan betul.
- Sekiranya anda mengalami ulser di dalam perut atau usus kecil.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak

- Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.
- Hanya diambil jika perlu.
- Penggunaan semasa trimester kehamilan ketiga harus dielakkan.
- Elakkan penggunaan oleh ibu yang menyusukan. Salisilat dikeluarkan dalam susu ibu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan WINSPIRIN mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh WINSPIRIN atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

WINSPIRIN mungkin berinteraksi dengan:

- *Anticoagulant therapy* (Heparin and Warfarin)-menghalang pembekuan darah.
- *Acetazolamide*- Mencegah dan mengurangkan gejala ketinggian
- *Angiotensin Converting Enzyme (ACE) Inhibitors*-mengurangkan tekanan darah.
- *Beta Blockers*-membantu hati berdenyut lebih perlahan.
- *Anticonvulsants*-mengurangkan kesan dan kekerapan sawan.
- *Methotrexate*-untuk merawat kanser
- *Diuretics*-memingkatkan pengeluaran air kencing.
- *Uricosuric Agents* (Probenecid dan Sulfipyrazone)-meningkatkan pengeluaran urik asid di dalam air kencing.
- *Oral Hypoglycemics*-merawat diabetes jenis 2

- *Non-steroidal Anti-inflammatory Drugs* (NSAIDs)-mengurangkan inflamasi dan melegakan demam dan kesakitan.

Cara mengambil WINSPIRIN

Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan WINSPIRIN seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

-Dos biasa

Untuk melegakan sakit kepala, sakit gigi, migrain, *neuralgia* (sakit saraf), sakit tekak, *dysmenorrhea* (kesakitan menstruasi) dan untuk melegakan influenza, demam, keradangan reumatik, *sciatica* (sakit yang bermula dari bahagian belakang), *lumbago* (sakit di bahagian bawah badan), *fibrositis* (kesakitan dan keradangan sendi), sakit otot dan lain-lain kesakitan:

Dewasa termasuk warga emas: 1-2 tablet (300-600mg) setiap 3-4 jam seperti yang dikehendaki, maksimum 12 tablet (3.6g) setiap hari dalam dos berbahagi.

Kanak-kanak: Tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak berumur 16 tahun ke bawah, kecuali diindikasikan (cth: untuk penyakit Kawasaki).

Sifat Antitrombotik: Untuk kesan antitrombotik akibat sakit jantung, sakit dada dan strok, dos yang disarankan adalah 300mg setiap hari. Dos yang bersesuaian bergantung kepada rawatan yang diperlukan dan keadaan inidvidu. Pengambilan aspirin secara harian memerlukan permantauan dari doktor.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Arahan: Tablet boleh dilarutkan di dalam air sejurus sebelum digunakan atau ditelan secara keseluruhan.

Kerengsaan gastrik boleh dikurangkan dengan mengambil dos selepas makan.

WINSPIRIN Acetylsalicylic Acid Dispersible Tablet 300mg

Aspirin (300mg)

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan WINSPIRIN seperti yang dicadangkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan WINSPIRIN dengan dos yang tinggi mungkin menyebabkan:

- Gangguan asid-asas dan gangguan elektrolit boleh berlaku dan dirumitkan oleh *hyperthermia* (suhu badan lebih tinggi daripada normal) dan dehidrasi.
- Peningkatan pernafasan

Semasa menggunakan WINSPIRIN

-Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan WINSPIRIN.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi WINSPIRIN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan WINSPIRIN terhadap anda.
- Elakkan makanan dan minuman Yang mengandungi alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, WINSPIRIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika simptom berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- **Sistem saraf pusat:** kegelisahan, edema serebrum, (pengumpulan cecair di dalam otak) koma, kekeliruan, pening kepala, sakit kepala, pendarahan subdural atau *intracranial hemorrhage* (pendarahan di sekeliling otak dan dalam tengkorak), kelesuan, kejang.
- **Kardiovaskular:** *Dysrhythmias* (degupan jantung tidak normal), hipotensi (tekanan darah rendah) *tachycardia* (kadar degupan jantung yang luar biasa).
- **Cecair dan elektrolit:** Dehidrasi, hiperkalemia (kadar kalium yang tinggi dalam darah), metabolik asidosis (ketidakseimbangan asid dan bes kimia di dalam darah, alkalosis pernafasan).
- **Gastrointestinal:** *Dyspepsia* (sakit perut) pendarahan gastrointestinal, ulser dan perforasi, loya, muntah, ketinggian enzim hepatik, hepatitis, sindrom Reye (bengkak pada hati dan otak), pankreatitis (inflamasi pada pankreas).

- **Pernafasan:** *Hyperpnea* (Peningkatan kedalaman dan kadar pernafasan) edema pulmonary (lebih cecair di dalam paru-paru), *tachypnea* (kadar pernafasan yang luar biasa).
- **Urogenital:** masalah buah pinggang.
- **Hematologi:** masalah darah.
- **Hipersensitiviti:** Anafilaksis akut (reaksi alergik), angioedema (bengkak di bawah kulit), asma, bronkospasme (pengecutan otot secara tiba-tiba di dinding bronkiol), edema laring (komplikasi intubasi yang kerap), urtikaria (bengkak).
- **Musculoskeletal:** *Rhabdomyolysis* (kerosakan tisu otot).
- **Metabolisma:** Hipoglisemia pada kanak-kanak (glukosa darah rendah), hiperglikemia (glukosa darah tinggi).
- **Reproduktif:** Masa kehamilan dan melahirkan yang panjang, kematian ketika lahir, kelahiran berat badan yang lebih rendah, pendarahan.
- **Deria khas:** Kehilangan pendengaran, tinnitus (bordering di dalam telinga).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan WINSPIRIN

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhi ubat dari kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

WINSPIRIN Acetylsalicylic Acid Dispersible Tablet 300mg

Aspirin (300mg)

Tablet putih, bulat, cembung, tidak berbalut dengan garis skor. Tablet menjadi larutan keruh setelah dilarutkan ke dalam air.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Aspirin 300mg

- Bahan-bahan tidak aktif

Tepung jagung, *Pregelatinised Starch*, *Colloidal Anhydrous Silica* dan *Sodium Starch Glycolate*.

-Nombor MAL

MAL18066046XZ

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park
Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/08/2022

Nombor Siri

NPRA(R2/2)220910/929